



Jadual kuliah anjal: perlu ambil kira akses fasiliti, capaian internet pelajar

Oleh Ercy Gracella Ajos - Jun 5, 2023 @ 2:54pm
bhnews@bh.com.my



Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada sesi akademik 2023/2024 perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk akses fasiliti dan capaian internet pelajar.

Presiden Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM), Nazirah Abdullah berkata melihat kepada kesediaan capaian internet, persoalan yang adakah Malaysia sudah mencapai negara yang mendapat capaian internet memuaskan termasuk di kawasan pedalaman?

Selain itu, katanya, adakah akses fasiliti pelajar cukup untuk menjalani kelas secara hibrid ini?

"Jika kerajaan bersedia memperkenalkan sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal ini, pihak berkuasa juga hendaklah menyediakan lebih banyak inisiatif khas kepada pelajar khususnya golongan B40 yang tidak mampu membeli keperluan mengakses capaian internet seperti komputer riba, data internet dan sebagainya.

"Dalam pada itu, faktor diri mahasiswa itu juga perlu difikirkan di mana membabitkan tahap disiplin pelajar untuk kekal fokus semasa menjalani sistem pembelajaran hibrid ini," katanya kepada BH.

Semalam, BH melaporkan, KPT akan memperkenalkan sistem pembelajaran hibrid dan jadual anjal dengan pelajar diwajibkan hanya menghadiri kuliah di universiti pada tahun pertama dan tahun akhir sahaja.

Bagi tahun pertengahan pengajian pula, pelajar akan diberi pilihan dan keanjalan mengikuti pengajian dari rumah tanpa perlu hadir secara fizikal di kelas.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dilaporkan berkata ia sebahagian inisiatif kerajaan bagi membantu pelajar daripada terus terbeban dengan kos pengajian, selain memberi mereka ruang yang fleksibel.

Mengulas lanjut, Nazirah berkata, bagaimanapun, dari sudut positifnya, pengenalan sistem pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal dapat memberikan peluang lebih ramai kepada mahasiswa berlatarbelakangkan keluarga B40 untuk dapat masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Katanya, mahasiswa juga boleh bekerja sambil belajar selain masalah yuran pengajian serta masalah penginapan kolej di universiti yang terhad juga dapat dikurangkan.

"Bagaimanapun, antara kekurangan pengenalan sistem ini, ia boleh menjejaskan kualiti pembelajaran mahasiswa.

"Sistem ini juga mengakibatkan majikan meragui untuk menerima mahasiswa yang memilih pembelajaran secara atas talian kerana tahap kualiti peperiksaan atas talian tidak telus di mana mahasiswa tidak jujur semasa menjalani peperiksaan," katanya.

Katanya, sistem ini turut berpotensi menyebabkan hubungan sosial (interaksi sosial) antara mahasiswa berkurang.

"Ini memberi kesan kepada sosialisasi mahasiswa kerana mereka tidak berjumpa dengan ramai kawan baharu selain menyebabkan pelajar akan lebih bersendirian.

"Selain itu, sistem ini juga memberi kesan kepada kekurangan kemahiran pelajar kerana kampus adalah tempat yang menyediakan pelbagai program untuk meningkatkan 'soft skills' pelajar.